

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 20 September 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2022

**Pelancongan Malaysia menyumbang 14.0 peratus kepada KDNK 2022
dengan perbelanjaan pelancongan RM92.7 bilion di mana
domestik, RM59.2 bilion dan antarabangsa, RM33.4 bilion**

PUTRAJAYA, 20 SEPTEMBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **AKAUN SATELIT PELANCONGAN 2022**. Akaun Satelit Pelancongan (ASP) adalah satu kerangka statistik untuk mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) Malaysia pada 2022 mencatatkan RM251.5 bilion, menyumbang sebanyak 14.0 peratus kepada ekonomi Malaysia (2021: 12.8%). Manakala, Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (KDNKPL) merekodkan RM47.9 bilion berbanding RM11.6 bilion pada 2021. Prestasi yang memberangsangkan ini susulan daripada pembukaan semula sempadan negara kepada pelancong antarabangsa pada 1 April 2022 dan penghapusan keperluan kuarantin serta ujian saringan COVID-19 ketika tiba di Malaysia mulai 1 Ogos 2022. Perbelanjaan pelancongan daripada pelancongan inbound (antarabangsa) juga telah meningkat secara signifikan dengan peningkatan sebanyak RM33.4 bilion (7000.2%) berbanding tahun sebelumnya."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Prestasi industri pelancongan Malaysia dipacu oleh peningkatan semula perbelanjaan pelancongan domestik bernilai RM59.2 bilion, memulih dengan kenaikan sebanyak 239.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: -54.8%). Pelancongan domestik menyumbang 63.9 peratus

kepada jumlah penggunaan pelancongan internal yang merangkumi kedua-dua perbelanjaan dari pelancong inbound dan domestik.

Pembukaan semula sempadan antarabangsa memberikan impak yang ketara terhadap perjalanan ke luar negara, dengan perbelanjaan sebanyak RM22.5 bilion pada tahun 2022, mencatatkan peningkatan sebanyak 114.6 peratus berbanding dengan RM10.5 bilion (-39.1%) pada tahun 2021. Tambahan pula, industri pelancongan menyumbang kepada 23.4 peratus kepada keseluruhan guna tenaga dengan 3.61 juta orang bekerja pada tahun 2022 (2021: 3.52 juta orang), mencerminkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus dari tahun sebelumnya."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkongsi jangkaan beliau untuk industri pelancongan, menyatakan, "Kami meramalkan pertumbuhan pesat pada tahun 2023 berdasarkan kepada senario semasa dan dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan (MOTAC) yang turut menyasarkan ketibaan lebih kurang 16.1 juta pelancong ke Malaysia pada tahun ini. Kerajaan sedang mengambil langkah proaktif untuk menyokong pertumbuhan ini, termasuk dengan peruntukan sebanyak RM25 juta melalui Geran Sokongan Sektor Pelancongan untuk mempromosikan Malaysia dan mencapai matlamat Tahun Melawat Malaysia (TMM) pada tahun 2026. Kerajaan menetapkan sasaran 23.5 juta ketibaan pelancong antarabangsa dengan pendapatan dijangka sebanyak RM76.8 bilion semasa TMM 2026."

Selain itu, Pelan Strategik & Pelan Pemasaran Pelancongan Malaysia 2022-2026, dilancarkan pada 30 Mac 2022, bertujuan untuk merencanakan semula sektor pelancongan negara. Ini termasuk strategi untuk meningkatkan aliran pelancong, melibatkan kerjasama dari pemain industri untuk menyokong pemulihan dan pembangunan semula secara lestari.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, 2021-2025 juga menekankan kepentingan sektor pelancongan, termasuk mempromosikan ekopelancongan di kawasan luar bandar, mengubah Kampung Baru Cina menjadi destinasi pelancongan dan meneroka produk dan tapak pelancongan berasaskan alam semula jadi dan warisan budaya yang baru.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 SEPTEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 20 September 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT FOR TOURISM SATELLITE ACCOUNT 2022

Malaysia's tourism contributed 14.0 per cent to GDP in 2022 with tourism expenditure RM92.7 billion of which domestic, RM59.2 billion and international, RM33.4 billion

PUTRAJAYA, 20 SEPTEMBER 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **TOURISM SATELLITE ACCOUNT 2022**. The Tourism Satellite Account (TSA) is a statistical framework to gauge the development of the tourism industry and its contribution to the Gross Domestic Product (GDP).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's Gross Value Added Tourism Industries (GVATI) in 2022 recorded RM251.5 billion, contributing 14.0 percent to Malaysia's economy (2021: 12.8%). Meanwhile, Tourism Direct Gross Domestic Product (TDGDP) registered RM47.9 billion compared to RM11.6 billion in 2021. The outstanding performance in tandem with the reopening of the country's borders to international travellers on 1st April 2022 and the abolishment of the quarantine requirement and COVID-19 screening tests upon arrival in Malaysia starting from 1st August 2022. Tourism receipts from inbound (international) have also seen a significant increase, with a rise of RM33.4 billion (7000.2%) compared to the previous year."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, explained, "Malaysia's tourism industry performance was boosted by a resurgence in domestic tourism expenditure, which amounted to RM59.2 billion, marking a significant increase of 239.3 per cent compared to the previous year (2021: -54.8%). Domestic tourism accounted for 63.9 per cent of the total internal tourism expenditure, encompassing both inbound and domestic spending.

The reopening of international borders had a notable impact on outbound travel, with RM22.5 billion spent in 2022, representing an increase of 114.6 per cent compared to RM10.5 billion (-39.1%) in 2021. Furthermore, the tourism industry contributed to 23.4 per cent of total employment, employing 3.61 million people in 2022 (2021: 3.52 million people), reflecting a 2.5 per cent increase from the previous year."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also shared his expectations for the tourism industry, stating, "We anticipate rapid growth in 2023 based on the current scenario and the efforts undertaken by the Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) aims to attract approximately 16.1 million tourists to Malaysia this year. The government is taking proactive steps to support this growth, including the allocation of RM25 million through the Tourism Sector Support Grant to promote Malaysia and realize the goals of Visit Malaysia Year (VMY) in 2026. The government targets 23.5 million international arrivals with an expected revenue of RM76.8 billion during VMY 2026."


Additionally, the Tourism Malaysia Strategic Plan & Marketing Plan 2022-2026, launched on 30th March 2022, aims to revitalise the country's tourism sector. This includes strategies to boost tourist influx, involving cooperation from industry players to support sustainable recovery and redevelopment.

The Twelfth Malaysia Plan Mid-Term Review 2021-2025 also highlights the importance of the tourism sector, including promoting rural ecotourism, transforming Kampung Baru Cina into a tourist destination and exploring new nature-based and cultural heritage tourism products and sites.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
20 SEPTEMBER 2023